

NGO PRIHATIN

Oleh: Ummu Marina Ismail , 1180210



Penerima bantuan (baring) dan tiga anggota persatuan (berdiri)

SUNGAI BESAR: Persatuan Peduli Rakyat Sungai Besar menganjurkan Bantuan Kecemasan *Covid-19* bagi meringankan beban penduduk yang terjejas di kawasan Peket 20, Sungai Besar pada 29 November 2020.



Sit Mohamad Samati (kiri) dan Mohd Adib Busra (kanan)

Bantuan ini dianjurkan oleh sebuah Persatuan Badan Bukan Kerajaan (NGO) iaitu Persatuan Peduli Rakyat Sungai Besar yang diketuai oleh Pengerusinya, Ahmad Zhafri Mohd Nor.

Ketua Kampung Peket 20/60 merangkap sukarelawan persatuan, Mohd Adib Busra, 47, berkata, antara bentuk bantuan yang diberikan adalah barang keperluan asas, katil hospital, kerusi roda dan barangan lain yang sesuai dengan keadaan penduduk yang terjejas.

“Tujuan bantuan ini diberikan adalah untuk meringankan beban penduduk yang terjejas akibat wabak *covid-19* ataupun yang sakit, OKU, hilang pekerjaan dan sebagainya.

“Golongan yang layak diberikan bantuan ini adalah terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah, fakir, miskin, OKU, terlantar sakit dan mereka yang hilang punca pendapatan atau yang dibuang kerja dan ibu tunggal,” katanya.

Sit Mohamad Samati, 79, salah seorang penduduk berkata, beliau sangat bersyukur di atas bantuan yang diberikan kerana bantuan ini dapat meringankan bebannya.

“Bantuan ini benar-benar dapat membantu saya kerana semasa *covid* ini, saya takut hendak keluar daripada rumah sebab faktor usia. Maka dengan adanya bantuan yang memberi keperluan asas harian dapat membantu diri saya.

“Saya berharap, bantuan seperti ini dapat diteruskan lagi supaya dapat meringankan beban,” katanya.



Yatimah Awang

Yatimah Awang, 55, berkata, sejak *covid* ini berlaku, pendapatan beliau semakin berkurangan kerana tiada pelanggan yang mahu menghantar jahitan. Bantuan ini amat membantu mengurangkan perbelanjaan harian beliau.

“Saya ucapkan terima kasih banyak-banyak bagi pihak yang memberi bantuan kepada saya. Saya harap mudah-mudahan bantuan ini berlarutan hingga bila-bila,” katanya.